



**PEKERJAAN** dalam sektor penghantaran kini dilihat menjadi pilihan ramai anak muda di negara ini untuk menjana pendapatan kerana tidak terikat dengan masa seperti bekerja di pejabat.

— GAMBAR HIASAN



Varia  
-

Oleh  
**PROF. DR. MOHAMAD FAZLI SABRI**

**A**NCAMAN Covid-19 bukan sahaja menjelaskan kesihatan, malahan turut melumpuhkan ekonomi diri, keluarga dan negara. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di Malaysia meningkat kepada 5.3 peratus pada Mei tahun ini yang mencatatkan sebanyak 826,100 pengangguran.

Selain itu, sebilangan besar pekerja juga berhadapan dengan kehilangan pekerjaan. Ini terbukti menerusi satu kajian secara online (Pusingan 1) yang dilaksanakan Jabatan Perangkaan Malaysia untuk menilai kesan Covid-19 kepada ekonomi dan individu.

Ia melibatkan sejumlah 168,182 orang responden berumur 15 tahun dan ke atas meliputi seluruh negara bagi tempoh 18 hingga 31 Mac lalu.

Hasil kajian mendapati, hampir separuh atau sebanyak 46.6 peratus responden mengakui mereka kehilangan pekerjaan kesan daripada wabak berkenaan.

Hilang pekerjaan menjelaskan sumber pendapatan diri dan keluarga serta memberi tekanan kepada isi rumah untuk meneruskan hidup.

Walaupun hilang kerja, tekanan kurang dirasai oleh isi rumah yang ada perancangan kewangan yang baik berbanding yang tiada persiapan.

Menurut pakar kewangan isi rumah, salah satu strategi untuk mengurangkan tekanan adalah setiap individu atau isi

## Jana pendapatan dengan kerja lebih fleksibel

rumah perlu menjana pendapatan atau meningkatkan pendapatan mereka.

Persoalannya, bagaimana mereka boleh mendapatkan pekerjaan atau bagi mereka yang telah mempunyai pekerjaan pula bagaimana pendapatan isi rumah boleh ditingkatkan.

### Khidmat penghantaran

Penglibatan secara sambilan (*freelancer*) yang berkemampuan untuk bekerja secara fleksibel tanpa perlu berada di pejabat dan menghabiskan masa secara rutin antara 9 pagi hingga 5 petang dilihat sebagai satu alternatif untuk individu menjana dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka.

Penularan wabak Covid-19 menyaksikan terdapat permintaan tinggi ke atas perkhidmatan penghantaran atau lebih dikenali sebagai *rider* atau *runner*.

Ramai dalam kalangan rakyat Malaysia misalnya pernah menggunakan perkhidmatan Food Panda, Grab Food, Bungkusit dan lain-lain.

Kini, semakin ramai golongan profesional dalam bidang guaman, kewangan korporat, latihan, akauntan dan pengaturcaraan komputer turut terlibat sebagai *freelancer* yang juga dapat dilihat menerusi platform Workana.com.

*Freelancer* merupakan mereka yang mengamalkan ekonomi *gig* atau juga dikenali sebagai *gigger*.

Ia adalah satu kumpulan pekerjaan

baharu yang menentukan sendiri cara bekerja berbanding kumpulan tradisional pekerjaan secara sepenuh masa atau separuh masa.

Peluang pekerjaan ini terbuka kepada golongan pekerja berkemahiran rendah sehingga pekerjaan berkemahiran tinggi.

Secara umum, ekonomi *gig* adalah pekerjaan berdasarkan kontrak jangka pendek dan pekerjaan bebas dengan disokong oleh aplikasi teknologi.

Tiga komponen ekonomi *gig* adalah pekerja bebas dibayar berasaskan tugas tertentu, pelanggan mahukan perkhidmatan spesifik dan syarikat membina medium antara pekerja bebas dengan pelanggan menggunakan platform aplikasi teknologi.

Terdapat pelbagai kelebihan sebagai pekerja *gig* atau *freelancer*, antaranya mereka mempunyai fleksibiliti dari segi masa bekerja iaitu sehari cuma dua hingga tiga jam, berbanding kebiasaan bekerja di pejabat selama lapan hingga sembilan jam sehari.

Selain itu, mereka mempunyai pilihan masa untuk mula bekerja atau menawarkan perkhidmatan.

Mereka turut mempunyai fleksibiliti daripada aspek tempat bekerja iaitu boleh bekerja di mana-mana sahaja termasuk dari rumah sama ada secara sepenuh masa atau sampingan.

Bagi yang terlibat sebagai *rider* atau *runner*, mereka biasanya tidak terikat dengan sebarang kemahiran khusus berbanding perkhidmatan profesional.

Aplikasi teknologi digital ini mungkin menyebabkan pekerjaan boleh dilaksanakan di mana-mana sahaja dan pembayaran boleh dibuat setiap masa.

Kepelbagai aktiviti dan tugas sebagai pekerja *gig* menyebabkan mereka tidak bosan dan menjadi tarikan, selain menerima bayaran perkhidmatan yang baik. Antara kelebihan lain adalah tidak perlu membayar cukai pendapatan, kurang komitmen dan keseimbangan hidup bekerja.

Walaupun terdapat pelbagai kelebihan sebagai pekerja *gig* atau *freelancer*, persoalan yang harus dijawab adalah sejauh mana kebijakan mereka diberi keutamaan?

Mereka dikatakan tidak mempunyai perlindungan dari segi insurans, kesihatan dan perubatan, keselamatan sosial, perkembangan kerjaya serta tiada jaminan kenaikan pangkat dan gaji pada masa depan.

Selain itu, disebabkan oleh takrifan mereka bukan sebagai pekerja dalam sektor formal, pekerja *gig* tidak boleh membawa tuntutan ke Pejabat Buruh atau Mahkamah Perusahaan.

Sebagai kesimpulan, peluang terlibat dalam ekonomi *gig* mengurangkan pergantungan kepada kerajaan dan tenaga kerja asing.

**PROF. DR. MOHAMAD FAZLI SABRI** ialah Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, UPM dan Naib Presiden Majlis Perancangan Kewangan Malaysia